

#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

37
Hari

13
Jam

48
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK


PENDIDIKAN

WILAYAH

Lebih 570,000 petugas barisan hadapan terima vaksin COVID-19 pertama



Oleh [Mohd Iskandar Ibrahim](#) - Februari 21, 2021 @ 6:28pm
mohd_iskandar@bh.com.my



Petugas barisan hadapan antara kumpulan pertama mendapat suntikan vaksin COVID-19 bermula Rabu ini. Gambar anggota polis mengawal laluan ke Kompleks MasKargo untuk kenderaan membawa vaksin Pfizer-BioNTech. - Foto NSTP/LUQMAN HAKIM ZUBIR

KUALA LUMPUR: Seramai 571,802 petugas barisan hadapan mendaftar bagi mendapatkan imunisasi COVID-19, setakat semalam.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin, berkata sebanyak 57.3 peratus daripada jumlah itu terdiri dalam kalangan anggota perubatan dan kesihatan, iaitu 39.8 peratus dari Kementerian Kesihatan dan 17.5 pegawai perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta agensi lain.

Katanya, baki 42.7 peratus terdiri daripada anggota bukan kesihatan seperti ATM, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 6m ○ [Mengantarabangsakan bahasa Melayu perlu kerjasama](#)
- 9m ○ [Nasi lemak pandan, bunga telang jana pendapatan hotel](#)
- 24m ○ [Cara saya masih terbaik dunia - Mourinho](#)
- 28m ○ [Petaka](#)
- 28m ○ [Calon SPM bersedia duduki peperiksaan walaupun gementar](#)
- 34m ○ [Tune Protect tinjau potensi sektor insurans ASEAN](#)
- 42m ○ [Himpun guru berbakat kongsi idea, pengajaran](#)
- 44m ○ [Program vaksinasi percepat pemulihan ekonomi](#)

Penjara Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (KASTAM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan lain-lain.

"Sukacita dimaklumkan bahawa program imunisasi pertama membabitkan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham diawalkan kepada 24 Februari ini, berbanding perancangan terdahulu, iaitu pada 26 Februari ini.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **73,710 dos vaksin Pfizer-BioNTech dibawa masuk ke Johor**
- **Ketibaan vaksin tanda sinar baharu dalam perjuangan perang COVID-19 - Dr Noor Hisham**
- **Malaysia bakal hasilkan picagari 'low dead-volume'**
- **Vaksin COVID-19 pertama untuk Malaysia tiba pagi ini**

"Kedua-dua mereka akan menjadi antara individu pertama yang akan diimunisasi bersama dengan petugas barisan hadapan," katanya dalam kenyataan hari ini.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi berkata, negara hari ini mencatatkan sejarah apabila kumpulan pertama vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada jam 10 pagi tadi.

Katanya, beliau bersama Menteri Kesihatan, Daruk Seri Dr Adham Baba; Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Noor Hisham menyambut ketibaan vaksin terbabit yang turut disiarkan secara langsung.



Lori syarikat logistik membawa vaksin COVID-19 keluaran Pfizer Bio-NTech dari Singapura ke Johor Bahru menerusi laluan Tambak Johor petang tadi. - Foto NSTP/OMAR AHMAD

"Selain di KLIA, ketibaan vaksin hari ini turut membabitkan penghantaran melalui jalan darat dari Singapura ke Johor serta penerbangan dari KLIA ke Pulau Pinang.

"Seterusnya, vaksin ini akan dihantar ke 16 lokasi Pusat Simpanan Vaksin (PSV) di seluruh negara iaitu enam di Selangor, Johor (empat), Kuala Lumpur (tiga), Pulau Pinang (dua) dan satu di Putrajaya.

TRENDING




ASEAN 10 jam yang lepas

COVID-19: Singapura siasat pemandu lori rakyat Malaysia



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 3:29pm

Wanita kudung sebelah kaki ditinggalkan keluarga di tepi jalan



SELEBRITI Feb 21, 2021 @ 3:00pm

Acha belum bersara



SELEBRITI Feb 21, 2021 @ 11:00am

Rita tak 'terhegeh-hegeh' gila talak



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 10:15am

Kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba di tanah air

"Ketibaan vaksin ini memberi sinar baharu kepada kita semua rakyat Malaysia, terutama petugas barisan hadapan dalam usaha memerangi pandemik ini," katanya.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 10:15am

Kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba di tanah air



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 2:53pm

Dos vaksin tiba dari Singapura tepat jam 2 petang



NASIONAL Feb 18, 2021 @ 8:17am

Persiapan akhir menjelang ketibaan bekalan vaksin Ahad ini berjalan lancar



NASIONAL Feb 21, 2021 @ 5:02pm

Vaksin lalui proses penilaian sewajarnya



IKUTI KAMI DI:





BERITA

[BHPLUS](#)

[Nasional](#)

[Kes](#)

[Politik](#)

[Pendidikan](#)

[Wilayah](#)

SUKAN

DUNIA

HIBURAN

BISNES

RENCANA

WANITA

HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA

[Foto](#)

[BHTV](#)

[Infografik](#)

LANGGAN

[Akhbar Digital](#)

[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

[Iklan Web](#)

[1Klassifieds](#)

[NSTP KLiK](#)